

Rabu, 1 April 2015

1. Dakwaan 50,000 penjawat awam kontrak dibuang tidak berasas

KUALA LUMPUR 31 Mac - Dakwaan yang mengatakan kerajaan akan memberhentikan kira-kira 50,000 penjawat awam kontrak adalah tidak berasas sama sekali.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kerajaan tidak akan sesekali menganiaya kakitangan awam mahu pun rakyat.

Bagaimanapun beliau mengakui, setakat ini kerajaan belum bercadang untuk menyerap secara tetap kumpulan kakitangan awam kontrak tersebut.

"Kita prihatin dengan masalah tersebut. Saya pasti kerajaan tidak akan mengambil tindakan begitu mendadak dalam tahun yang cukup mencabar ini.

"Kerajaan akan beri perlindungan kepada penjawat awam sama ada tetap atau kontrak," katanya semasa menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2015 di Dewan Rakyat hari ini.

Dakwaan mengenai kononnya 50,000 penjawat awam kontrak akan diberhentikan dibuat dan di-siar beberapa portal berita baru-baru ini.

Dalam perkembangan berasingan, Shahidan berkata, kerajaan tidak bercadang menyelaras kadar pencen pesara kakitangan awam untuk disesuaikan dengan kenaikan gaji yang dinikmati penjawat awam masih berkhidmat.

Menurutnya, perkara itu tidak perlu kerana ketika ini pesara sudah menerima penyelarasan dengan kenaikan kadar pencen sebanyak dua peratus setahun.

"Tidak ada peruntukan untuk menyelaraskan kadar pencen mengikut perubahan gaji. Namun, mungkin boleh dipertimbangkan pada masa akan datang.

"Tetapi buat masa sekarang ini tidak boleh sebab sudah ada penyelarasan dua peratus setahun dan tambahan pencen ini melibatkan peruntukan besar yang membabitkan 584,000 pesara," katanya.

Jumaat, 3 April 2015

2. Pusat Rehabilitasi 1Malaysia Terengganu

Memudahkan rakyat menerima rawatan lebih berkesan

KUALA TERENGGANU 2 April - Semua daerah di negeri ini akan dilengkapi dengan kemudahan Pusat Rehabilitasi 1Malaysia apabila empat lagi perkhidmatan itu dibina tahun ini demi membolehkan masyarakat setempat menerima rawatan lebih meluas dan berkesan.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, ketika ini, sebanyak empat buah pusat diwujudkan di Dungun, Kuala Nerus, Setiu diikuti Besut yang bakal beroperasi dalam masa terdekat.

"Terbaharu, kita telah mengenal pasti lokasi yang bersesuaian untuk pembinaan pusat itu di Marang dan sedang melihat kos sebelum meluaskan perkhidmatan itu ke daerah seperti Kuala Terengganu, Kemaman dan Hulu Terengganu.

"Pembinaan kemudahan ini berkonsepkan perkongsian pintar dan integrasi antara kerajaan negeri dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) serta Jabatan Kesihatan negeri dan ketika ini kita sedang meninjau bangunan terutama yang tidak digunakan untuk tujuan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan perasmian Klinik 1Malaysia di Padang Air di sini hari ini. Yang hadir sama, Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Mohammad Omar.

Pusat Rehabilitasi 1Malaysia Seberang Takir yang bernilai RM1 juta merupakan yang pertama di negara ini dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Mei 2013.

Pada masa ini, antara aktiviti yang dijalankan di pusat berkenaan adalah penilaian dan rawatan kepada pesakit, memberi pendidikan kepada pesakit mengenai penjagaan rutin harian di rumah, memberi pendidikan kepada penjaga serta memantau keberkesanan rawatan kepada pesakit.

Selain itu, pusat tersebut juga menyediakan kemudahan pengangkutan secara percuma untuk menghantar dan mengambil pesakit dari rumah memandangkan ramai antaranya tidak mempunyai kenderaan.

Menurut Ahmad Razif, kerajaan negeri bertanggungjawab dalam penyediaan dan pengubahsuaian bangunan manakala Maidam pula membekalkan peralatan sementara kemudahan tenaga kerja oleh Jabatan Kesihatan.

Dalam perkembangan lain, katanya, kerajaan negeri sedang merancang untuk mewujudkan kemudahan klinik kesihatan bergerak (mobile-clinic) bagi manfaat masyarakat luar bandar terutama mereka yang memerlukan perkhidmatan kesihatan.

"Kita sedang menilai untuk membeli 'mobile clinic' ini yang kosnya berharga RM450,000 di bawah Hospital Pakar Kuala Terengganu," katanya.



Isnin, 6 April 2015

3. Laporan audit, 213 syor dikemukakan Dalam memperbaiki segala kelemahan

KUALA LUMPUR 6 April - Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 1 mengandungi 51 pengauditan prestasi dan 16 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan baik di peringkat Persekutuan dan juga negeri.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, pengauditan itu merangkumi bidang pembinaan, penyelenggaraan, perolehan, program, pengurusan hasil, sosial, keselamatan, pertanian, sukan, bekalan, penternakan, perkhidmatan dan pengurusan syarikat.

Katanya, hasil daripada keseluruhan proses audit, 84 syor kepada kerajaan Persekutuan, 17 syor (badan berkanun) dan 112 syor (kerajaan negeri) telah dikemukakan bagi memperbaiki segala kelemahan.

"Kami akan memberi taklimat berhubung isu yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada anggota Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Dewan Rakyat," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya lagi, semua ketua jabatan berkaitan yang telah melalui proses pengauditan sudah dimaklumkan tentang laporan tersebut.

Dalam pada itu, Kementerian Kewangan turut mengeluarkan Laporan Maklum Balas tentang laporan berkenaan yang memberikan ulasan serta tindakan terkini daripada Ketua Perkhidmatan terhadap isu-isu dilaporkan.

Laporan itu bertujuan menilai sejauh mana aktiviti dan projek kerajaan dirancang, dilaksanakan, dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program, aktiviti atau projek tercapai.

Selain itu, laporan sama juga bertujuan menilai sejauh mana wang awam dibelanjakan dengan berhemat tanpa wujud pemborosan serta pembaziran dan memberi pulangan sepatutnya.

Selasa, 7 April 2015

4. Pejawat awam masih nikmati faedah 4%

KUALA LUMPUR 6 April - Penjawat awam masih lagi menikmati kadar faedah empat peratus bagi pinjaman perumahan selepas Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) 2015 dilaksanakan kelak.

Datuk Irmohizam Ibrahim (BN-Kuala Selangor) berkata, segala dakwaan dan andaian kononnya penjawat awam tidak menikmati kemudahan tersebut seperti yang tersebar menerusi beberapa laman blog adalah tidak benar serta terpesong daripada objektif sebenar kerajaan.

Menurut beliau, mereka perlu memahami bahawa pengurusan pinjaman perumahan kerajaan di bawah rang undang-undang berkenaan pada prinsipnya tidak melibatkan sebarang dasar baharu dan perubahan pada termasuk sedia ada.

"Saya berharap penjawat awam tidak terpedaya dengan maklumat yang tidak tepat.

"Sekali lagi saya ingin menegaskan di sini bahawa ini bukan proses pemansuhan tetapi penstrukturran semula sebagai sebahagian daripada usaha konsolidasi fiskal dan mengurangkan beban tanggungan kewangan kerajaan," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang LPPSA 2015 dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Selasa, 7 April 2015

5. PAC panggil 10 Kemeterian berhubung Laporan Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR 6 April - Sebanyak 10 kementerian akan dipanggil oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sebelum sesi Parlimen akan datang bagi memberi keterangan berhubung kelemahan pelaksanaan program dan projek, seperti dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 yang dikeluarkan hari ini.

Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, kementerian tersebut adalah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Pertahanan; Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Kewangan; Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Selain itu, katanya, PAC akan memanggil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Kementerian Komunikasi dan Multimedia; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Beliau berkata, antara isu penting yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah berhubung tiga projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berbentuk projek rundingan terus mengalami masalah.

"Penjelasan juga bakal dituntut bagi dua projek di bawah Kementerian Pertahanan berbentuk rundingan terus dan bermasalah membabitkan Pengurusan Prasarana dan Transit Kuala Lumpur dan pembinaan serta pengurusan Wisma Perwira, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jalan Padang Tembak di sini.

"Jawatankuasa itu juga mendapati kelemahan terhadap pengurusan kuarters polis yang tidak sempurna di bawah Kementerian Dalam Negeri, selain pengurusan Klinik Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam melaksanakan Program Ujian Khas Mamogram di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Beberapa isu lain berkaitan termasuk Kementerian Kewangan membabitkan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. dan Perbadanan Putrajaya selain Pengurusan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di Bangunan Parlimen hari ini.



Rabu, 8 April 2015

6. 4,806 penerima BR1M disenarai hitam

KUALA LUMPUR 7 April - Sebanyak 4,806 penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah disenarai hitam oleh Sekretariat BR1M kerana mengambil lebih daripada sekali dalam setahun bantuan tersebut.

Menurut Pengarah Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan, Datuk Siti Zauyah Md. Desa, jumlah penerima BR1M yang tidak bertanggungjawab itu dikesan hasil pemantauan sekretariat bantuan itu dan bank yang terbabit.

Katanya, kesemua individu yang disenarai hitam itu mesti membayar semula jumlah BR1M yang diambil kepada sekretariat bantuan tersebut dan jika ingkar, mereka tidak layak menerima bantuan seterusnya.

"Dari pada 4,806 penerima BR1M yang disenarai hitam itu, 1,806 telah membayar balik bantuan yang mereka ambil lebih daripada sekali dalam setahun, malah ada yang mengambil bantuan itu sehingga empat kali.

"Jumlah yang disenarai hitam itu dikumpul dari tahun 2012 hingga 2014. Sekretariat BR1M akan bekerjasama dengan pihak bank yang terbabit bagi mendapatkan semula wang yang telah terlebih diambil itu," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu ditemui selepas majlis Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 yang dibentangkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa di Auditorium Perdana, Angkasapuri di sini.

Kata Siti Zauyah, bagi mengatasi masalah itu daripada berulang, kerajaan telah menggunakan baucar atau kupon BR1M yang menggunakan ciri-ciri keselamatan dan dimulakan pada pembayaran awal tahun ini.


"Pada baucar itu kita telah tulis nama penerima, nombor kad pengenalan dan nombor siri bagi mengelakkan mana-mana individu menggunakan lebih dua kali. Setiap orang hanya boleh dapat satu baucar.

"Data-data yang kita keluarkan itu juga selari dengan bank yang akan menerima deposit bagi tujuan pembayaran BR1M itu. Kita juga akan pantau mereka yang sudah naik gaji dan tidak layak terima BR1M supaya tiada dalam senarai penerima bantuan ini," ujarnya.



Rabu, 8 April 2015

7. Teguran menurun 24% berbanding 2013



ALI HAMSA (tengah) bersama Ambrin Buang (kanan) dan Mohamad Zabidi Zainal menunjukkan buku Laporan Audit Negara dalam Sesi Bersama Media-Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur, semalam. UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

KUALA LUMPUR 7 April - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 mendapati teguran dalam kalangan kementerian, jabatan dan pengurusan syarikat kerajaan menurun 24 peratus iaitu daripada 418 teguran pada 2013 kepada 319 teguran tahun lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, teguran bersifat pembetulan turut menurun 19 peratus iaitu daripada 385 teguran kepada 313 teguran pada tahun ini atau sebanyak 72 teguran.

Menurutnya, teguran yang bersifat punitif juga memperlihatkan penurunan sebanyak 82 peratus atau 27 teguran iaitu daripada 33 teguran pada tahun 2013 kepada hanya enam teguran pada tahun lalu.

"Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 telah dibentangkan di Parlimen semalam. Dalam laporan itu terdapat enam teguran punitif yang melibatkan penyalahgunaan kuasa, salah laku, penyelewengan dan kecuaian.

"Selain itu terdapat 313 teguran pembetulan yang menjurus kepada penambahbaikan sistem dan prosedur dalaman," katanya dalam Sesi Bersama Media-Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 di Auditorium Perdana, Angkasapuri di sini.

Siri pertama Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 siri pertama telah diadakan pada 7 Jun tahun lalu di Institut Integriti Malaysia dan siri kedua pula pada 17 November lalu di Auditorium Perdana, Angkasapuri manakala hari ini adalah siri ketiga.

Kata Ali, daripada enam teguran punitif itu, satu teguran iaitu Pengurusan Perolehan Perabot bagi Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor sedang diteliti oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Bagi lima lagi teguran punitif yang lain, sebuah Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan selepas pembentangan awal laporan oleh Ketua Audit Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Peguam Negara.

"Ini bagi menyiasat lima teguran punitif tersebut. Keahlian jawatankuasa itu terdiri daripada pegawai-pegawai berada di luar agensi yang sedang disiasat itu. Daripada kesemua teguran itu seorang pegawai telah dibuang kerja," ujarnya.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal; Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan agensi kerajaan.

Khamis, 9 April 2015

8. Kepakaran tiga hospital di Selangor digabung

KUALA LANGAT 8 April - Perkhidmatan di Hospital Klang, Hospital Shah Alam dan Hospital Banting akan digabungkan bagi membolehkan ketiga-tiganya berkongsi doktor pakar dalam bidang tertentu.

Sebagai contoh, sekiranya pakar buah pinggang ditempatkan di Hospital Shah Alam, dua hospital lagi juga boleh mendapatkan khidmat doktor yang sama.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, pihaknya akan melihat keperluan itu dan masih mengenal pasti bidang kepakaran untuk hospital masing-masing.

"Yang pastinya, kepakaran mereka (doktor) boleh dikongsi bersama tiga hospital itu nanti," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Hospital Banting di sini hari ini.

Berhubung lawatan tersebut, Subramaniam memberitahu, kerja-kerja menaik taraf Hospital Banting akan dilaksanakan dalam tempoh empat hingga lima bulan lagi.

Menurutnya, pada tahun ini, kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM15 juta untuk pembinaan kompleks pembedahan di hospital berkenaan.

"Kementerian juga akan mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, sebuah lagi kompleks bedah di hospital sama," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan jelasnya, Klinik Kesihatan Telok Datok akan dinaik taraf bagi menampung jumlah pesakit yang semakin meningkat di Hospital Banting.

Katanya, kajian sedang dijalankan dalam masa terdekat untuk menaik taraf klinik tersebut.

Ditanya keberkesanan Klinik Rakyat 1Malaysia, beliau berkata, terdapat segelintir masyarakat yang masih tidak faham dengan konsep sebenar kewujudan klinik itu.

"Kementerian akan kaji semula kewujudan klinik tersebut dan mungkin akan mentransformasikannya sebagai sebuah klinik yang lengkap," katanya.

Rabu, 15 April 2015

9. Penyata 1MDB bersih, capai standard

KUALA LUMPUR 14 April - Penyata kewangan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) telah disahkan bersih dan menepati standard laporan kewangan antarabangsa oleh firma audit terbesar dunia, Deloitte yang menjadi juruaudit kepada syarikat pelaburan strategik kerajaan itu.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, perkara tersebut bagaimanapun tidak diambil kira oleh beberapa media yang lebih berminat mencari kesilapan dan mengeluarkan pelbagai tuduhan terhadap 1MDB bagi menjelaskan reputasinya serta menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Katanya, contoh yang jelas adalah berhubung pelaburan dalam projek cari gali minyak antara 1MDB dan PetroSaudi International (PSI) apabila laporan yang dikeluarkan oleh media-media tertentu lebih berbentuk tuduhan dan mengaitkannya dengan individu tertentu, namun untung sebanyak RM1.494 bilion yang berjaya diraih langsung tidak disebut.

"Isu ini diwujudkan berdasarkan persepsi oleh golongan tertentu, kita lihat media tertentu telah main isu ini, letak Low Taek Jho (ahli perniagaan) dapat RM700 juta yang tidak ada dalam laporan Ketua Audit Negara, Deloitte dan KPMG. Petro Saudi sudah membuat laporan polis di London mengenai dakwaan ini.

"Kita lihat dalam laporan akhbar, biasanya bercakap tentang syarikat, untung dan rugi atau penyata kira-kira, ini dia (media) tidak ada langsung ceritakan yang pelaburan dalam PSI telah menjana keuntungan sebanyak AS\$487 juta (RM1.49 bilion), pelaburan ini telah membawa balik keuntungan yang begitu besar," katanya ketika menjawab soalan **Senator Datuk Yahaya Mat Ghani** dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Sementara itu, menjawab soalan **Senator Datin Rahimah Mahamad** berhubung langkah meyakinkan kembali rakyat terhadap 1MDB, Ahmad Husni berkata, Deloitte dan KPMG iaitu sebuah lagi firma audit terkemuka telah mengeluarkan kenyataan bahawa laporan kewangan 1MDB bertepatan dengan standard laporan kewangan Malaysia serta standard laporan kewangan antarabangsa selain menepati syarat-syarat Akta Syarikat 1965.

Beliau berkata, komitmen kerajaan dalam memastikan ketelusan urus niaga 1MDB telah ditunjukkan apabila Ketua Audit Negara diminta mengesahkan akaun syarikat itu selain Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) melakukan penilaian terhadapnya.

"Kalau kita lihat secara rasional, tidak mungkin firma terbesar dunia ini mahu berbohong. Maka, pihak Kabinet memanggil, kita selaraskan satu demi satu dan minta 1MDB bentang, daripada situ Kabinet sepautunya sudah berpuas hati tetapi oleh kerana kita mahu ketelusan, kita minta pula Ketua Audit Negara dan PAC yang ada pemimpin kerajaan dan pembangkang untuk berbincang," jelasnya.

Dalam pada itu tambahnya, hanya pada 2014 1MDB mengalami kerugian dalam pelaburan sebanyak RM665.4 juta, bagaimanapun keuntungan diraih dalam tempoh empat tahun sebelumnya iaitu RM424.6 juta (2010), RM544.3 juta (2011), RM44.7 juta (2012) dan RM778.2 juta pada 2013.

Berhubung persoalan ditimbulkan mengenai wang 1MDB yang diletakkan di Pulau Cayman, jelas beliau, wang berkenaan sebenarnya dilaburkan ke pasaran seluruh dunia melalui syarikat-syarikat gergasi yang beroperasi di situ bukannya hanya disimpan semata-mata.

Jelasnya, dana berkenaan bagaimanapun telah dibawa balik tahun lalu yang sebahagiannya digunakan untuk membayar hutang, faedah pelaburan selain modal kerja manakala bakinya disimpan di Singapura bagi menyelesaikan hutang 1MDB dalam tempoh beberapa bulan ini.

KUALA LUMPUR 14 April

Penyata kewangan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) telah disahkan bersih dan menepati standard laporan kewangan antarabangsa oleh firma audit terbesar dunia, Deloitte yang menjadi juruaudit kepada syarikat pelaburan strategik kerajaan itu.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, perkara tersebut bagaimanapun tidak diambil kira oleh beberapa media yang lebih berminat mencari kesilapan dan mengeluarkan pelbagai tuduhan terhadap 1MDB bagi menjelaskan reputasinya serta menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Katanya, contoh yang jelas adalah berhubung pelaburan dalam projek cari gali minyak antara 1MDB dan PetroSaudi International (PSI) apabila laporan yang dikeluarkan oleh media-media tertentu lebih berbentuk tuduhan dan mengaitkannya dengan individu tertentu, namun untung sebanyak RM1.494 bilion yang berjaya diraih langsung tidak disebut.

"Isu ini diwujudkan berasaskan persepsi oleh golongan tertentu, kita lihat media tertentu telah main isu ini, letak Low Taek Jho (ahli perniagaan) dapat RM700 juta yang tidak ada dalam laporan Ketua Audit Negara, Deloitte dan KPMG. Petro Saudi sudah membuat laporan polis di London mengenai dakwaan ini.

"Kita lihat dalam laporan akhbar, biasanya bercakap tentang syarikat, untung dan rugi atau penyata kira-kira, ini dia (media) tidak ada langsung ceritakan yang pelaburan dalam PSI telah menjana keuntungan sebanyak AS\$487 juta (RM1.49 bilion), pelaburan ini telah membawa balik keuntungan yang begitu besar," katanya ketika menjawab soalan **Senator Datuk Yahaya Mat Ghani** dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Sementara itu, menjawab soalan **Senator Datin Rahimah Mahamad** berhubung langkah meyakinkan kembali rakyat terhadap 1MDB, Ahmad Husni berkata, Deloitte dan KPMG iaitu sebuah lagi firma audit terkemuka telah mengeluarkan kenyataan bahawa laporan kewangan 1MDB bertepatan dengan standard laporan kewangan Malaysia serta standard laporan kewangan antarabangsa selain menepati syarat-syarat Akta Syarikat 1965.

Beliau berkata, komitmen kerajaan dalam memastikan ketelusan urus niaga 1MDB telah ditunjukkan apabila Ketua Audit Negara diminta mengesahkan akaun syarikat itu selain Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) melakukan penilaian terhadapnya.

"Kalau kita lihat secara rasional, tidak mungkin firma terbesar dunia ini mahu berbohong. Maka, pihak Kabinet memanggil, kita selaraskan satu demi satu dan minta 1MDB bentang, daripada situ Kabinet sepatutnya sudah berpuas hati tetapi oleh kerana kita mahu ketelusan, kita minta pula Ketua Audit Negara dan PAC yang ada pemimpin kerajaan dan pembangkang untuk berbincang," jelasnya.

Dalam pada itu tambahnya, hanya pada 2014 1MDB mengalami kerugian dalam pelaburan sebanyak RM665.4 juta, bagaimanapun keuntungan diraih dalam tempoh empat tahun sebelumnya iaitu RM424.6 juta (2010), RM544.3 juta (2011), RM44.7 juta (2012) dan RM778.2 juta pada 2013.

Berhubung persoalan ditimbulkan mengenai wang 1MDB yang diletakkan di Pulau Cayman, jelas beliau, wang berkenaan sebenarnya dilaburkan ke pasaran seluruh dunia melalui syarikat-syarikat gergasi yang beroperasi di situ bukannya hanya disimpan semata-mata.

Jelasnya, dana berkenaan bagaimanapun telah dibawa balik tahun lalu yang sebahagiannya digunakan untuk membayar hutang, faedah pelaburan selain modal kerja manakala bakinya disimpan di Singapura bagi menyelesaikan hutang 1MDB dalam tempoh beberapa bulan ini.



Rabu, 15 April 2015

10. 18 kementerian catat 100%

Sasaran 129 petunjuk prestasi utama bumiputera tahun lalu

PUTRAJAYA 14 April - Sebanyak 18 dari 23 kementerian dan agensi kerajaan berjaya mencatatkan 100 peratus pencapaian bagi 129 petunjuk prestasi utama (KPI) bumiputera yang ditetapkan tahun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebanyak empat kementerian lain mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus KPI manakala satu kementerian lagi gagal mencapai sasaran.

Beliau memberitahu, bagi tahun ini, Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) memperakarkan sebanyak 99 KPI bumiputera untuk kesemua 23 kementerian dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Bilangan KPI tahun ini lebih rendah dari tahun sebelumnya kerana kita ingin melihat semua kementerian melaksanakan KPI yang berimpak tinggi, bersifat berdasarkan hasil dan mempunyai sasaran yang lebih tinggi daripada 2014," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempergerusikan Mesyuarat MEB dan melancarkan Majlis Penasihat Industri Institut Keusahawanan Negara (Insken) di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Najib berkata, antara pencapaian utama yang diraih oleh 18 kementerian itu adalah penyediaan dana khas pembangunan keusahawanan bagi program latihan K-workers dan bilangan kedai runcit yang dinaik taraf di bawah Program Transformasi Kedai Runcit (Tukar) selain pelaksanaan dasar yang menumpukan pada syarikat bumiputera untuk melaksanakan projek Mass Rapid Transit.

"Ini adalah satu pencapaian yang cukup baik. KPI bumiputera penting bagi menentukan agenda ekonomi bumiputera dilaksanakan oleh semua kementerian dan agensi kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi tahun ini, antara KPI bumiputera untuk semua kementerian dan agensi adalah peningkatan siswazah berstatus bekerja semasa hari konvokesyen dan peratusan pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pendidikan Mara mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan.

Selain itu, menurut Najib, tumpuan juga pada pemindahan teknologi kepada bumiputera dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM200 juta dan penjanaan nilai pasaran sebanyak RM2 bilion selain sebanyak 150 francaisi bumiputera baharu diwujudkan dengan nilai perolehan sekurang-kurangnya RM48 juta.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberitahu, MEB kini dalam usaha membangunkan usahawan bumiputera melalui penekanan aspek modal ilmu, modal kemahiran dan modal sosial.

Berikut itu, jelas beliau, dalam Bajet 2015, Insken dilantik sebagai pusat kecemerlangan keusahawanan di bawah kawal selia Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) untuk memberi tumpuan kepada latihan pembangunan kapasiti dan keupayaan.

Jelas Perdana Menteri, selaras matlamat itu Insken telah menubuhkan Majlis Penasihat Industri yang akan menyediakan platform untuk usahawan berkongsi pengetahuan mengenai industri dengan usahawan lain.

"Insken juga akan bekerjasama dengan Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (Magic), Universiti Tun Abdul Razak dan Technology Park Malaysia dalam meningkatkan keupayaan bumiputera dalam bidang keusahawanan," katanya.

Rabu, 15 April 2015

11. Kerajaan akan senari hitam pelajar; Kedai salah guna BB1M

KUALA LUMPUR 15 April - Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan menyenaraihitamkan mana-mana pelajar dan kedai buku yang didapati menyalahgunakan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M).

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching berkata, pihaknya telah mengagihkan garis panduan penggunaan dan penerimaan BB1M kepada semua kedai buku dan institut pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara.

"KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) turut melaksanakan proses pemantauan ke atas kedai buku dan semua universiti yang mengagihkan BB1M kepada pelajarnya berdasarkan pengurusan rekod mereka.

"Selain itu, kami turut memberi peringatan kepada para pelajar yang menerima BB1M supaya tidak menuarkannya kepada bentuk tunai dan hanya dihadkan dalam pembelian buku sahaja," katanya ketika menjawab pertanyaan Senator Datuk Dr Asyraf Wajdi Dasuki dalam sesi soal jawab pada persidangan Dewan Negara di Parlimen, hari ini.

Dr Asyraf ingin tahu sejauh mana proses pemantauan dibuat dalam memastikan bantuan BB1M berjumlah RM250 setiap pelajar dimanfaatkan dan tidak disalahgunakan oleh pelajar IPT.

Yap berkata, pemberian BB1M kepada semua pelajar adalah bagi meringankan beban perbelanjaan pembelian buku serta memupuk minat membaca dalam kalangan mereka.

"Oleh itu, kami memerlukan kerjasama daripada semua pihak, termasuk orang awam dan pemimpin masyarakat supaya membuat aduan kepada kami sekiranya mendapati penyalahgunaan BB1M dalam kalangan pelajar," katanya. - BERNAMA

Isnin, 20 April 2015

12. Kerajaan digesa naik taraf Klinik Kesihatan Merotai

TAWAU 19 April - Kementerian Kesihatan digesa menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan yang terdapat pada klinik-klinik kesihatan di negeri ini terutama di kawasan Merotai, di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Batu, Datuk Hamisa Samat berkata, perkara itu bagi membolehkan rakyat di kawasan tersebut menikmati kemudahan kesihatan dan perubatan yang sama dengan kawasan-kawasan lain.

Malah, beliau yang juga Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat negeri berkata, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kesihatan negeri wajar turun padang melihat sendiri kemudahan dan infrastruktur yang terdapat pada klinik-klinik kesihatan di negeri ini.

"Mereka boleh melihat sendiri kekurangan infrastruktur dan kemudahan perubatan hingga menyusahkan rakyat mendapatkan rawatan.

"Penduduk terutama di kawasan ini dan sekitar amat memerlukan klinik kesihatan yang mempunyai kemudahan terkini tanpa memerlukan mereka pergi ke hospital-hospital besar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Gotong-Royong bersama masyarakat Kampung Merotai, di sini semalam.

Hamisa menambah, kekurangan kemudahan di klinik kesihatan Merotai menyukarkan penduduk setempat untuk mendapatkan rawatan sekali gus mengundang persepsi kurang enak terhadap kerajaan.

Katanya, beliau bimbang situasi itu akan menimbulkan perasaan kurang senang rakyat setempat kepada pentadbiran kerajaan sedia ada seolah-olah tidak menjaga kebijakan rakyat.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau menghargai komitmen pihak pengangur dalam melaksanakan program gotong royong yang dapat meningkatkan semangat kerjasama selain usaha menjaga kebersihan sekitar.

Khamis, 23 April 2015

13.605,685 peminjam PTPTN masih hutang RM4.7billion

KUALA LUMPUR 22 April - Sebanyak 605,685 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dikenalpasti masih gagal membuat pembayaran balik dengan jumlah hutang mencecah RM4.7 bilion setakat 31 Mac lalu.

Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan berkata, jumlah tersebut merupakan antara 1,716,475 bilangan peminjam yang perlu membuat bayaran balik pinjaman PTPTN berjumlah RM13.3 bilion.

"Daripada jumlah itu, seramai 1,110,790 mewakili 64.7 peratus telah mula membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan mencecah RM6.2 bilion iaitu 46.9 peratus.

"PTPTN sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi bayaran balik pinjaman dengan mengambil pelbagai langkah seperti menawarkan insentif diskaun 20 peratus serta tindakan penguatkuasaan senarai hitam dan saman terhadap peminjam yang masih berdegil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan **Senator Datuk Yahaya Mat Ghani** berhubung prestasi pungutan semula semasa PTPTN di Dewan Negara hari ini.

Mengulas lanjut, Kamalanathan memberitahu, kesan positif terhadap langkah-langkah berkenaan telah menyaksikan jumlah bayaran balik meningkat daripada RM2 juta sehari kepada RM5 juta sejak Oktober tahun lalu.

Dalam pada itu, menyentuh berhubung teguran Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 terhadap pengurusan sistem pinjaman dan pembiayaan PTPTN, beliau berkata, perbadanan itu turut mengambil beberapa tindakan terhadap teguran berkenaan.

"Antara tindakan yang diambil termasuk menambahbaik model pengurusan pinjaman khususnya pengurusan kutipan balik pinjaman dalam sistem PTPTN.

"Menjalinkan hubungan strategik dengan agensi kerajaan lain supaya maklumat peminjam yang lebih tepat boleh diperoleh," katanya.

Jelas beliau, antara kerjasama yang dijalankan adalah bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menggunakan maklumat pendapatan isi rumah ibu bapa dan penjaga berdasarkan data Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sejak November tahun lalu.

"Selain itu, PTPTN juga menyertai projek MyIdentity bagi mewujudkan perkongsian data peribadi merentasi agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan," ujarnya.

Jumaat, 24 April 2015

14. Utusan kemuka bantahan pada Nielsen

KUALA LUMPUR 23 April - Kumpulan Utusan mengemukakan bantahan rasmi terhadap The Nielsen Company (Malaysia) Sdn. Bhd. atau Nielsen, dan syarikat itu diminta menjelaskan metodologi dan kaedah yang digunakan bagi kaji selidik data pembaca akhbar 2014.

Tindakan Kumpulan Utusan ini dibuat ekoran penerbitan artikel oleh akhbar The Star pada 28 Mac lalu yang menyatakan perbandingan data pembaca akhbar bagi tahun 2014 berdasarkan kaji selidik yang dibuat oleh Nielsen.

Dalam surat yang dihantar kepada Pengarah Urusan Nielsen, Richard Jonathan Hall di Seksyen 13, Petaling Jaya dekat sini hari ini, Kumpulan Utusan juga menyatakan Nielsen mempunyai kewajipan berjaga-jaga dalam mengemukakan sebarang maklumat kepada pihak ketiga berhubung penerbitan akhbar milik Kumpulan.

Menurut Setiausaha syarikat, Shirad Anuar, Kumpulan Utusan mengemukakan lima persoalan dan isu untuk Nielsen iaitu:

1. Pelan sampel dan pelaksanaan proses kerja serta proses pemantauan kerja tersebut.
2. Adakah butiran wawancara yang disediakan oleh Nielsen boleh disiapkan secara bersemuka dengan responden dalam tempoh 45 minit hingga sejam.
3. Adakah data yang dikutip daripada wawancara secara kajian lapangan adalah tepat dan tiada kecacatan.
4. Adakah data yang diperoleh daripada 10,000 responden digambarkan sejajar dengan bilangan penduduk dewasa di Semenanjung Malaysia, dan
5. Terdapat unjuran dan anggaran dalam data kaji selidik Nielsen yang sama sekali tidak logik.

Menurut beliau, industri akhbar juga maklum bahawa Nielsen ketika ini, terbabit dengan satu kes undang-undang dengan sebuah akhbar utama berbahasa Inggeris, berkaitan dengan isu yang sama iaitu soal unjuran bilangan pembaca.

"Sehubungan itu, Nielsen sepatutnya mengambil maklum bahawa unjuran data pembaca yang tidak tepat dan tidak sempurna berpunca dari kaedah metodologi dan kaji selidik, boleh menjejas teruk potensi perolehan pendapatan bagi sesuatu penerbitan.

"Kami secara rasmi mempersoalkan metodologi dan keikhlasan dalam pelaksanaan mengumpul sampel yang digunakan Nielsen," kata beliau.

Kumpulan Utusan meminta Nielsen untuk mengemukakan kaedah bagi memperbetulkan keadaan ini dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat ini dikemukakan pada 23 April 2015.



Jumaat, 24 April 2015

15. KSU Kementerian diarah aktif media sosial

KUALA LUMPUR 23 April - Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa telah mengeluarkan arahan kepada semua Ketua Setiausaha kementerian supaya aktif menggunakan media sosial bagi menjawab setiap soalan yang dikemukakan rakyat.

Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan berkata, langkah itu diyakini dapat memudahkan tugas menteri yang sibuk dengan tugas dan jadual padat sehingga mengalami kekangan masa bagi menjawab soalan yang diajukan.

Katanya, arahan tersebut dikeluarkan bagi mengurangkan kerentak birokrasi dalam kerajaan memandangkan selama ini wujud persepsi bahawa setiap rakyat perlu melalui beberapa peringkat ketika berurus.

"Pendekatan penggunaan media sosial akan dapat menjawab setiap persoalan dengan cepat dan menangkis dakwaan kononnya perlu melalui setiausaha politik atau akhbar sebelum sampai kepada menteri.

"Orang ramai tidak perlu lagi melalui pelbagai peringkat bagi mendapatkan maklum balas daripada kerajaan dan jawapan diberikan dalam masa singkat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam forum bertajuk Mengubah Landskap Politik Melalui Media Sosial dalam program Minggu Media Sosial Malaysia (MSMW) 2015 di sini hari ini.

Selain Kamalanathan sebagai ahli panel, forum berkenaan turut menampilkan dua panel daripada Exco Pemuda UMNO, Ibdillah Ishak dan Shahril Hamdan.

Sementara itu, Kamalanathan berkata, beliau sendiri cuba meluangkan masa setiap hari untuk menggunakan media sosial bagi mendengar dan menjawab persoalan berhubung kementeriannya.

"Aduan melalui media sosial lebih pantas berbanding cara lama dengan siasatan dan tindakan dapat dilakukan tanpa mengambil masa yang lama.

"Langkah ini turut membantu mengelakkan daripada tersebarnya berita palsu melalui medium tersebut," katanya.

Isnin, 27 April 2015

16. Memahami isu 1MDB



Kerja-kerja pembangunan yang sedang dijalankan di tapak projek Tun Razak Exchange (TRX) di Kuala Lumpur ini merupakan salah satu projek utama 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam beberapa entri di dalam blognya telah menimbulkan persoalan dan kritikan terhadap dasar-dasar yang dijalankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak khususnya mengenai 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

Menurut beliau, 1MDB sebagai syarikat dengan modal RM1 juta tidak boleh meminjam sehingga 42,000 kali nilai modalnya tanpa sandaran dan hanya boleh berbuat demikian dengan jaminan kerajaan. Kenyataan itu seolah-olah semua hutang 1MDB dijamin kerajaan dan jika 1MDB rugi, kerajaan akan menanggung akibatnya.

Sebenarnya hanya RM 5.8 bilion hutang 1MDB yang dijamin kerajaan. Baki hutang lain dijamin oleh 1MDB, disandarkan kepada aset atau dijamin oleh rakan kongsi, iaitu, International Petroleum Investment Co PJSC (IPIC), sebuah syarikat pelaburan kerajaan Abu Dhabi.

1MDB adalah syarikat dengan liabiliti terhad dan kerugian syarikat tidak ditanggung oleh kerajaan melainkan bon yang dijamin kerajaan.

Satu lagi perkara yang perlu dijelaskan adalah dakwaan 1MDB gagal membayar hutang sebanyak RM5.5 bilion yang dipinjamkan oleh lima buah bank, iaitu Maybank (58.9 %), RHB (32.4 %), Alliance Investment Bank Bhd (4.06%), Malaysia Building Society Bhd (3.24%) dan Hwang DBS Investment Bhd (1.29%).

Ada yang cuba menyamakan kegagalan ini dengan kegagalan Renong-UEM dan kegagalan sistemik sistem kewangan dan perbankan negara walaupun agensi penarafan Moody menafikan hutang 1MDB akan mengakibatkan kegagalan sistemik.

Hakikatnya, 1MDB telah membayar secara penuh hutang sebanyak RM2 bilion kepada Maybank dan RHB pada 13 Februari 2015, lebih awal dari tempoh berakhir pinjaman mengikut syarat yang ditetapkan dan baki sebanyak RM3.5 bilion telah ditukar kepada hutang jangka panjang berakhir pada Ogos 2024.

Mengenai isu komisen Goldman Sachs dan kadar faedah bon yang tinggi, 1MDB telah menjelaskan tentang perkara ini dan sejumlah perkara lain dalam soal jawab (FAQ) 1MDB di laman web 1MDB.

Kita tidak harus terlepas pandang beberapa perkara mengenai aset dan pelaburan 1MDB dalam industri tenaga, antaranya:-

- i. Pemilikan 15 loji kuasa dan desalinasi di enam buah negara, Mesir, Bangladesh, UAE, Sri Lanka, Pakistan dan Malaysia dengan kapasiti penjanaan tenaga bersih 5594MW
- ii. Pembinaan 3 lagi loji kuasa baru, iaitu Jimah East Power di Port Dickson, loji kuasa Gas di Melaka dan loji solar di Kedah
- iii. Pembelian 310 ekar tanah di Pulau Indah untuk projek-projek yang berkaitan dengan tenaga

Perlu difahami nilai aset dan pelaburan 1MDB dalam bidang hartanah, misalnya:

- i. Pembangunan 70 ekar tanah di Tun Razak Exchange (TRX) yang mempunyai Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM40 bilion dan dijangka dapat menarik lebih 250 syarikat global, mewujudkan 500,000 pekerjaan secara langsung dan tidak langsung
- ii. Pembangunan 495 ekar projek Bandar Malaysia dengan nilai pembangunan kasar RM155 bilion yang dihubungi laluan keretapi berkelajuan tinggi ke Singapura dan MRT Kuala Lumpur, salah satu stesennya dari TRX serta dapat menjadi pemangkin pembangunan koridor selatan Malaysia dengan kawasan pertumbuhan satelit di Seremban, Batu Pahat, Muar, Melaka dan Bandar Nusajaya.
- iii. Pembinaan lapan kemudahan ketenteraan baharu untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bernilai RM2.7 bilion termasuk dua lapangan terbang udara baharu, iaitu 500 ekar pangkalan TUDM di Sendayan dan flying wing PDRM di Subang.
- iv. Pembelian tanah dan pembinaan 30,000 rumah kos rendah dan mampu milik khususnya di Pulau Pinang (9,999 unit) dan di Lembah Klang (20,000 unit di Bandar Malaysia)

Dalam hal ini, Petrosaudi telah menyatakan bahawa pelaburan ini telah dipulangkan bersama keuntungan dan ia tercatat dalam akaun beraudit.

1MDB juga telah menyatakan pelaburan dalam syarikat usahasama dengan Petrosaudi ini telah ditukarkan ke dalam bentuk nota Murabaha dan dibayar sepenuhnya pada jumlah AS\$2.318 bilion dengan keuntungan sebanyak AS\$488 juta pada 2013.

Perlu diberi penekanan, walaupun fundamental atau asas ekonomi negara adalah kukuh dan keyakinan terhadap ekonomi negara sangat tinggi (terbukti apabila Sukuk Global Malaysia yang diterbitkan terlebih langganan sehingga RM32.8 bilion), namun ini masih boleh dirosakkan oleh khabar angin dan persepsi yang negatif terhadap negara.

PENULIS ialah ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO.



Selasa, 28 April 2015

17. Hospital Seberang Jaya dinaik taraf atas kesesakan

PERMATANG PAUH 27 April - Masalah kesesakan pesakit di Hospital Seberang Jaya di sini akan dapat diatasi tidak lama lagi apabila ia dinaik taraf bagi kemudahan orang ramai.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, kerajaan memperuntukkan RM400 juta untuk menaik taraf hospital itu.

Beliau berkata, ia termasuk membina sebuah bangunan tambahan sembilan tingkat yang dilengkapi dengan 316 buah katil.

"Hospital kluster berusia 20 tahun itu yang terletak dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh kini mengalami kapasiti katil melebihi 100 peratus.

"Pesakit sudah melimpah. Wad yang sepatutnya diisi dengan 20 orang pesakit sudah menjadi 30 orang pesakit dan keadaan terlalu sesak sangat, memerlukan tambahan katil.

"Kita akan melaksanakan kerja menaik taraf hospital berkenaan dengan segera bagi memenuhi keperluan yang mendesak itu," katanya ketika melawat hospital itu, di sini baru-baru ini.

Dr. Hilmi berkata, majlis pecah tanah bagi projek bangunan baharu itu dijangka akan dilakukan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Beliau berkata, bangunan baharu itu akan dilengkapi Pusat Jantung Kanak-kanak yang akan menjadi pusat rujukan kepada hospital lain.